

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
PENGEMASKINIAN SISTEM AGIHAN ZAKAT**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor mengenai pengemaskinian sistem agihan zakat.

**2. LATAR BELAKANG.**

2.1 Sistem agihan zakat yang dijalankan oleh Pusat Zakat Selangor (MAIS) pada masa ini ialah berdasarkan kepada Fatwa Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor yang telah di fatwakan dan diwartakan pada tahun 1994.

2.2 Kemudian sistem agihan tersebut telah disusun kembali oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Selangor pada tahun 1996.

2.3 Dan pada tahun 1998 Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Selangor meletakkan beberapa penambahan dalam sistem agihan zakat.

**3. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

**Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor bersetuju agar pihak Pusat Zakat Negeri Selangor berusaha untuk mengemaskini Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor dengan melakukan kajian terperinci beserta hujjah dan alasan yang kukuh.**